

Soalan 1 (Terengganu 2023)

Maklumat berikut diperolehi daripada buku rekod perakaunan Kilang Biskut Britania Sdn Bhd yang beroperasi di kawasan perindustrian Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu.

Kilang Biskut Britania Sdn Bhd		
Imbangan Duga pada 30 September 2023		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Inventori pada 1 Oktober 2022:		
Barang siap	25 880	
Bahan langsung	16 760	
Kerja dalam proses	5 270	
Alat-alat kecil	760	
Alat tulis kilang	125	
Jualan		384 820
Belian bahan langsung	122 350	
Belian alat-alat kecil	2 620	
Cap dagangan	8 500	
Gaji langsung kilang	60 500	
Gaji pengurus kilang	27 500	
Gaji pengurus pemasaran	2 750	
Upah buruh tak langsung	13 800	
Pulangan belian		1 365
Pulangan jualan	1 740	
Angkutan keluar	990	
Angkutan masuk	760	
Belanja penyelenggaraan kilang	10 500	
Alat tulis kilang	640	
Insurans kilang	3 360	
Utiliti	9 520	
Sewa premis	96 000	
Mesin dan peralatan kilang (kos)	105 000	
Susut nilai terkumpul mesin dan peralatan kilang		25 200
Kenderaan (kos)	70 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		13 300
Bank	96 745	
Akaun Belum Terima	20 250	
Akan Belum Bayar		18 185
Modal		259 450
	702 320	702 320

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 30 September 2023:

	RM
Barang siap	18 760
Bahan langsung	14 320
Kerja dalam proses	8 730
Alat-alat kecil	975

(ii) Insurans kilang dibayar bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023

(iii) Gaji pengurus kilang RM2 500 bagi bulan September 2023 masih belum dibayar

(iv) Upah buruh tak langsung termasuk gaji pejabat am sebanyak RM7 200

(v) Satu invois belian bahan langsung bernilai RM2 800 tersalah rekod sebagai RM2 080 dalam buku perniagaan

(vi) Pulangan belian bahan langsung tertinggal catat RM380

(vii) Alat tulis kilang belum digunakan RM170

(vii) Polisi susut nilai:

Mesin dan peralatan kilang	8% setahun menggunakan kaedah atas kos
Kenderaan	10% setahun berdasarkan nilai buku aset

(ix) Belanja-belanja diagihkan antara kilang dan pejabat seperti berikut:

	Kilang	Pejabat
Utiliti	80%	20%
Sewa premis	80%	20%
Susut nilai kenderaan	70%	30%

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2023

(b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 September 2023

Jawapan

Kilang Biskut Britania Sdn Bhd		
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2023		
	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		16 760
+ Belian bahan langsung [122 350 + 720]	123 070	
- Pulangan belian [1 365 + 380]	1 745	
	121 325	
Angkutan masuk	760	
		122 085
		138 845
- Inventori akhir bahan langsung		14 320
Kos bahan langsung digunakan		124 525
<u>Kos buruh langsung</u>		
Gaji langsung kilang		60 500
<u>Belanja langsung</u>		
Cap dagangan		8 500
Kos prima		193 525
<u>Kos overhed</u>		
Gaji pengurus kilang [27 500 + 2 500]	30 000	
Upah buruh tak langsung [13 800 - 7 200]	6 600	
Penyelenggaraan kilang	10 500	
Alat tulis kilang [125 + 640 - 170]	595	
Insurans kilang [3 360 - 840]	2 520	
Utiliti kilang [80% x 9 520]	7 616	
Sewa premis kilang [80% x 96 000]	76 800	
Susut nilai mesin dan peralatan kilang	8 400	
[8% x 105 000]		
Susut nilai kenderaan	3 969	
[70% x ((70 000 - 13 300) x 10%)]		
Susut nilai alat-alat kecil [760 + 2 620 - 975]	2 405	
		149 405
		342 930
+ Kerja dalam proses awal		5 270
		348 200
- Kerja dalam proses akhir		8 730
Kos pengeluaran		339 470

Kilang Biskut Britania Sdn Bhd			
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 September 2023			
Jualan			384 820
- Pulangan jualan			1 740
Jualan bersih			383 080
<u>Tolak : Kos jualan</u>			
Inventori awal barang siap		25 880	
+ Kos pengeluaran		339 470	
		365 350	
- Inventori akhir barang siap		18 760	
Kos jualan			346 590
Untung kasar			36 490

Kedah 2023

Maklumat berikut diperoleh dari Kilang Kerepek Che Nah yang beroperasi di Baling, Kedah

	RM
Kos buruh langsung	26 000
Inventori bahan langsung pada 1 Julai 2022	9 800
Inventori bahan langsung pada 30 Jun 2023	6 400
Belian bahan langsung	34 500
Cap dagangan	1 500
Bahan api	12 000
Angkutan masuk bahan api	450
Bahan pembungkusan	1 200

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Kos bahan langsung
- (b) Kos prima

Jawapan

Kos bahan langsung

$$\begin{aligned} &= \text{Inventori awal} + (\text{Belian} + \text{Angkutan masuk}) - \text{inventori akhir} \\ &= 9\,800 + (34\,500 + 450) - 6\,400 \\ &= 38\,350 \end{aligned}$$

Kos prima

$$\begin{aligned} &= \text{Kos bahan langsung} + \text{kos buruh langsung} + \text{belanja langsung} \\ &= 38\,350 + 26\,000 + 1\,500 \\ &= 65\,850 \end{aligned}$$

Perlis 2023

Maklumat berikut diambil daripada Kilang Light Coffee pada 30 Jun 2023

	RM
Jualan barang siap	250 880
Belian bahan langsung	92 700
Pulangan bahan langsung	1 200
Mesin kilang (kos)	55 000
Gaji buruh kilang	45 800
Gaji penyelia kilang	8 600
Upah tak langsung	5 350
Duti import bahan langsung	540
Royalti	2 200
Belian alat-alat kecil	1 670
Lengkapan	36 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang	15 500
Belanja penyelenggaraan kilang	1 380
Insurans	2 160
Angkutan masuk bahan langsung	780
Kadar bayaran	1 880
Sewa	16 000
Belanja am kilang	1 420
Alat tulis kilang	320

	1 Julai 2022	30 Jun 2023
	RM	RM
Inventori:		
Bahan langsung	42 500	55 980
Barang siap	25 800	35 900
Alat-alat kecil	1 125	800
Kerja dalam proses		
Bahan langsung	10 650	15 200
Buruh kilang	11 880	13 450
Kos overhed	2 250	4 550

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan hendaklah diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 2 : 1
- (ii) Susut nilai adalah seperti berikut:
 - Lengkapan 10% setahun atas kos
 - Mesin kilang 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- (iii) Gaji buruh kilang berjumlah RM5 000 belum dijelaskan
- (iv) Sewa, insurans dan kadar bayaran hendaklah dibahagikan mengikut kadar 80% untuk kilang dan 20% untuk pejabat
- (v) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula pada 1 November 2022
- (vi) Belanja am kilang belum bayar sebanyak RM460
- (vii) Alat tulis kilang pada 30 Jun 2023 berjumlah RM135

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun alat-alat kecil
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023

Alat-alat kecil

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2022			2023		
Julai 1	Baki b/b	1 125	Jun 30	Akaun pengeluaran	1 995
2023				Baki h/b	800
Jun 30	Bank	1 670			
		2 795			2 795
Julai 1	Baki b/b	800			

Kilang Light Coffee

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023

Kos bahan langsung

Inventori awal bahan langsung	42 500
+ Kerja dalam proses awal bahan langsung	10 650
	53 150
Belian bahan langsung	92 700
- Pulangan belian bahan langsung	1 200
	91 500
+ Angkutan masuk bahan langsung	780
Duti import bahan langsung	540
	92 820
	145 970
- Inventori akhir bahan langsung	55 980
Kerja dalam proses akhir bahan langsung	15 200
	71 180
	74 790

Kos buruh langsung

Gaji buruh kilang [45 800 + 5 000]	50 800
Kerja dalam proses awal gaji buruh kilang	11 880
	62 680
- Kerja dalam proses akhir gaji buruh kilang	13 450
	49 230

Belanja langsung

Royalti	2 200
KOS PRIMA	126 220

Kos overhead

Susut nilaiengkapan [36 000 x 2/3 x 10%]	2 400	
Susut nilai mesin kilang [(55 000 - 15 500) x 15%]	5 925	
Sewa [16 000 x 80%]	12 800	
Kadar bayaran [1 880 x 80%]	1 504	
Insurans [2 160 x 80% x 8/12]	1 152	
Belanja am kilang [1 420 + 460]	1 880	
Alat tulis kilang [320 - 135]	185	
Gaji penyelia kilang	8 600	
Upah tak langsung	5 350	
Belanja penyelenggaraan kilang	1 380	
Alat-alat kecil [daripada Akaun alat-alat kecil]	1 995	
+ Kerja dalam proses awal overhead kilang	2 250	
	45 421	
- Kerja dalam proses akhir overhead kilang	4 550	
		40 871
Kos pengeluaran		167 091

Kilang Light Coffee

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023

Jualan		250 880
<u>Tolak : Kos jualan</u>		
Inventori awal barang siap	25 800	
+ Kos pengeluaran	<u>167 091</u>	
	192 891	
- Inventori akhir barang siap	<u>35 900</u>	
Kos jualan		156 991
Untung kasar		<u>93 889</u>

Kelantan 2023

Zahin seorang pengeluar Sabun Dobi Zazz. Imbangan Duga pada 31 Oktober 2023 adalah seperti berikut :

Imbangan Duga pada 31 Oktober 2023

	RM		RM
Peralatan (kos)	11 000	Modal	212
			130
Mesin (kos)	125	Jualan	348
	000		730
Inventori pada 1 November 2022		Pulangan belian bahan langsung	2 900
Bahan langsung	74 600	Susut nilai terkumpul mesin	23 750
Barang siap	19 200	Susut nilai terkumpul peralatan	2 640
Alat-alat kecil	660	Akaun Belum Bayar	47 600
Kerja dalam proses	8 730	Diskaun	1 350
Belian :			
Bahan langsung	100		
	200		
Alat-alat kecil	3 300		
Angkutan masuk bahan langsung	2 770		
Upah langsung	41 800		
Upah tak langsung	20 500		
Gaji pentadbir	27 600		
Gaji penyelia kilang	18 000		
Iklan dan promosi	5 500		
Insurans	7 800		
Sewa	14 400		
Kadar bayaran	12 800		
Belanja penyelenggaraan mesin	5 600		
Belanja membaiki peralatan	2 400		
Akaun Belum Terima	30 000		
Hak cipta	5 100		
	100		
Bank	140		
Ambilan	2 000		
	639		639
	100		100

Maklumat tambahan

(i) Inventori pada 31 Oktober 2023:

	Bahan langsung		Jumlah
	A	B	
Harga kos	37 260	43 400	80 660
Harga pasaran	39 000	41 340	80 340

RM

Barang siap	22 200
Alat-alat kecil	950
Kerja dalam proses	10 700

- (ii) Sewa dibayar setiap suku tahun RM3 600 dan berakhir pada 30 September 2023
- (ii) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula pada 1 Januari 2023
- (iii) Upah langsung belum bayar RM3 800
- (iv) Mesin disusutnilai pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
Peralatan disusutnilai pada kadar 12% setahun atas kos
- (v) Perbelanjaan berikut diagihkan antara kilang dan pejabat

	Kilang
	%
Sewa	70
Insurans	80
Kadar bayaran	75
Gaji pentadbir	80
Susut nilai peralatan	90

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun alat-alat kecil
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Oktober 2023
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2023

Akaun alat-alat kecil

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2022			2023		
Nov 1	Baki b/b	660	Okt 31	Akaun pengeluaran	3 010
2023				Baki h/b	950
Okt 31	Bank	3 300			
		3 960			3 960
Julai 1	Baki b/b	950			

Sabun Dobi Zazz

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Oktober 2023

	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		74 600
+ Belian bahan langsung	100 200	
- Pulangan belian bahan langsung	2 900	
	97 300	
Angkutan masuk bahan langsung	2 770	
		100 070
		174 670
- Inventori akhir bahan langsung [37 260 + 41 340]		78 600
Kos bahan langsung digunakan		96 070
<u>Kos buruh langsung</u>		
Upah langsung [41 800 + 3 800]		45 600
<u>Belanja langsung</u>		
Hak cipta		5 100
Kos prima		146 770
<u>Kos overhead</u>		
Alat - alat kecil [rujuk akaun alat-alat kecil]	3 010	
Upah tak langsung	20 500	
Gaji pentadbir [27 600 x 80%]	22 080	
Gaji penyelia kilang	18 000	
Insurans [(7 800 - 1 300) x 80%]	5 200	
Sewa [(14 400 + 3 600 / 3) x 70%]	10 920	
Kadar bayaran [12 800 x 75%]	9 600	

Belanja penyelenggaraan mesin	5 600	
Belanja memperbaiki peralatan	2 400	
Susut nilai mesin $[(125\,000 - 23\,750) \times 10\%]$	10 125	
Susut nilai peralatan $[11\,000 \times 12\% \times 90\%]$	1 188	
		108 623
		255 393
+ Kerja dalam proses awal		8 730
		264 123
- Kerja dalam proses akhir		10 700
Kos pengeluaran		253 423

Sabun Dobi Zazz

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Oktober 2023

Jualan		348 730
<u>Tolak : Kos jualan</u>		
Inventori awal barang siap	19 200	
+ Kos pengeluaran	253 423	
	272 623	
- Inventori akhir barang siap	22 200	
Kos jualan		250 423
Untung kasar		98 307

Johor 2023

Butir berikut diberikan oleh Syarikat Sacha Supplement Sdn. Bhd., sebuah kilang memproses makanan kesihatan pada 31 Disember 2022.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2022:	
Barang siap	3 960
Bahan langsung	4 700
Kerja dalam proses	6 300
Belanja am kilang	2 490
Upah buruh langsung	34 600
Belian bahan langsung	54 200
Angkutan masuk bahan langsung	1 600
Jualan barang siap	84 700
Pulangan belian bahan langsung	910
Pulangan jualan	670
Insurans	2 400
Sewa	15 000
Kadar bayaran	2 700
Gaji kerani pejabat	46 800
Gaji pengurus kilang	72 000
Angkutan keluar	4 300
Alat tulis kilang	400
Mesin	108 000
Susut nilai terkumpul mesin	10 800
Komisen jurujual	6 800
Inventori pada 31 Disember 2022:	
Barang siap	6 490
Bahan langsung	7 780
Kerja dalam proses	3 200

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans dan sewa diagihkan sama rata antara kilang dan pejabat

- (ii) Kadar bayaran hendaklah diagihkan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2 : 1
- (iii) Mesin hendaklah disusutnilaikan 10% setahun atas baki berkurangan
- (iv) Nota kredit daripada pembekal terlupa catat RM100
- (v) Alat tulis yang belum digunakan RM150

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Syarikat Sacha Supplement Sdn Bhd		
<u>Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022</u>		
	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		4 700
+ Belian bahan langsung	54 200	
- Pulangan belian [910 + 100]	1 010	
	53 190	
Angkutan masuk bahan langsung	1 600	
	54 790	
		59 490
- Inventori akhir bahan langsung		7 780
Kos bahan langsung digunakan		51 710
<u>Kos buruh langsung</u>		
Upah buruh langsung		34 600
Kos prima		86 310
<u>Kos overhead</u>		
Insurans [2 400 / 2]	1 200	
Sewa [15 000 / 2]	7 500	
Kadar bayaran [$\frac{2}{3} \times 2\,700$]	1 800	
Gaji pengurus kilang	72 000	
Alat tulis kilang [400 - 150]	250	
Susut nilai mesin [$(108\,000 - 10\,800) \times 10\%$]	9 720	
Belanja am kilang	2 490	
	94 960	
		181 270
+ Kerja dalam proses awal		6 300
		187 570
- Kerja dalam proses akhir		3 200
Kos pengeluaran		184 370

Selangor 2023 (set 1)

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan perusahaan Pasu Seramik Warisan pada 31 Disember 2022.

	RM	RM
Inventori pada 1 Januari 2022		
Barang siap	9 954	
Bahan langsung	8 560	
Kerja dalam proses	4 230	
Alat-alat kecil	3 000	
Belian bahan langsung		35 700
Jualan barang siap		129 445
Pulangan belian		572
Alatan pejabat (kos)		50 000
Alatan kilang (nilai pada 1 Januari 2022)		55 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		5 000
Upah pekerja kilang		16 500
Paten produk		2 000
Insurans		1 800
Kadar bayaran		9 750
Bahan bakar kilang		3 472
Angkutan keluar		970
Gaji kerani pejabat		4 890
Belanja pemasaran		4 050
Upah buruh tak langsung		4 530
Duti import bahan langsung		500
Angkutan masuk bahan langsung		500
Belanja am kilang		2 430
Belian alatan kilang		35 000
Belian alat-alat kecil		2 530

Maklumat tambahan

(i) Inventori pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	Harga kos RM	Harga pasaran RM
Barang siap	9 134	10 340
Bahan langsung	6 270	5 720
Kerja dalam proses	3 580	4 670
Alat-alat kecil	1 950	1 000

- (ii) Pada 31 Disember 2022 alatan kilang dinilai semula pada nilai RM75 000
- (iii) Alatan pejabat disusut nilai dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- (iv) Angkutan masuk bahan langsung sebanyak RM150 telah tersalah catat dalam angkutan keluar
- (v) Kadar bayaran dan insurans dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.
- (vi) Kilang telah mengupah 15 orang pekerja kilang mahir bekerja lebih masa dengan bayaran RM8.00 sejam selama 15 jam bagi memenuhi permintaan yang tinggi.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Pasu Seramik Warisan
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		8 560
+ Belian bahan langsung	35 700	
- Pulangan belian	572	
	35 128	
Duti import	500	
Angkutan masuk [500 + 150]	650	
		36 278
		44 838
- Inventori akhir bahan langsung		5 720
Kos bahan langsung digunakan		39 118
<u>Kos buruh langsung</u>		
Upah pekerja kilang [16 500 + (15 x 8 x 15)]		18 300
<u>Belanja langsung</u>		
Paten produk		2 000
Kos prima		59 418
<u>Kos overhed</u>		
Susut nilai alatan kilang [55 000 + 35 000 - 75 000]	15 000	
Kadar bayaran [2/ 3 x 9 750]	6 500	
Insurans [2/3 x 1 800]	1 200	
Alat - alat kecil [3 000 + 2 530 - 1 000]	4 530	
Bahan bakar kilang	3 472	
Upah buruh tak langsung	4 530	
Belanja am kilang	2 430	
		37 662
		97 080
+ Kerja dalam proses awal		4 230
		101 310
- Kerja dalam proses akhir		3 580

Kos pengeluaran

97 730

Pasu Seramik Warisan

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Jualan 129 445

Tolak : Kos jualan

Inventori awal barang siap 9 954

+ Kos pengeluaran 97 730

107 684

- Inventori akhir barang siap 9 134

Kos jualan 98 550

Untung kasar 30 895

Tolak : Belanja

Susut nilai alatan pejabat [(50 000 - 5 000) x 10%] 4 500

Kadar bayaran [1/3 x 9 750] 3 250

Insurans [1/3 x 1 800] 600

Angkutan keluar [970 - 150] 820

Gaji kerani pejabat 4 890

Belanja pemasaran 4 050

18 110

Untung bersih 12 785

SBP 2023

Kilang Tembikar Mambang terletak di Chini Pahang merupakan perniagaan yang terlibat dengan pengeluaran tembikar

Maklumat berikut diperoleh pada 30 September 2023

Kilang Tembikar Mambang		
Imbangan Duga pada 30 September 2023		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori pada 1 Oktober 2022:		
Barang siap	7 002	
Bahan langsung	8 625	
Kerja dalam proses	3 223	
Alat-alat kecil	980	
Logi dan mesin	120 000	
Susut nilai terkumpul logi dan mesin		42 000
Jualan		225 000
Belian bahan langsung	70 000	
Upah buruh langsung	36 500	
Angkutan masuk bahan langsung	2 814	
Akaun Belum Terima	31 580	
Akaun Belum Bayar		29 000
Sewa	36 000	
Gaji pekerja pejabat	11 055	
Insurans kilang	1 200	
Kadar bayaran	4 200	
Belian alat-alat kecil	680	
Tunai	6 500	
Bank	128 400	
Modal pada 1 Oktober 2022		172 759
	<u>468 759</u>	<u>468 759</u>

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 30 September 2023:

	RM
Barang siap	3 200
Bahan langsung	6 529
Kerja dalam proses	4 465
Alat-alat kecil	180

(ii) Upah buruh langsung bulan September 2023 sebanyak RM7 500 belum dibayar

(iii) Insurans kilang tahunan dibayar untuk tempoh berakhir 31 Oktober 2023

(iv) Nilai skrap logi dan mesin selepas 10 tahun RM15 000

(v) Sewa dan kadar bayaran dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2023

Kilang Biskut Britania Sdn Bhd
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2023

	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		8 625
+ Belian bahan langsung	70 000	
Angkutan masuk bahan langsung	2 814	
		72 814
		81 439
- Inventori akhir bahan langsung		6 529
Kos bahan langsung digunakan		74 910
<u>Kos buruh langsung</u>		
Upah buruh langsung [36 500 + 7 500]		44 000
Kos prima		118 910
<u>Kos overhed</u>		
Alat - alat kecil [980 + 680 -180]	1 480	
Insurans kilang [1 200 - 1 200 x 1/12]	1 100	
Sewa [3/ 4 x 36 000]	27 000	
Kadar bayaran [3/ 4 x 4 200]	3 150	
Susut nilai logi dan mesin [(120 000 - 15 000)/10]	10 500	
		43 230
		162 140
+ Kerja dalam proses awal		3 223
		165 363
- Kerja dalam proses akhir		4 465
Kos pengeluaran		160 898

Kelantan (YIK) 2023

Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Megah Holding pada 31 Disember 2022

	RM
Inventori pada 1 Oktober 2022:	
Bahan langsung	21 054
Barang siap	10 022
Alat-alat kecil	523
Kerja dalam proses	9 600
Belian bahan langsung	113 500
Angkutan masuk	2 300
Gaji penyelia kilang	32 400
Jualan barang siap	480 000
Alatan pejabat	30 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	6 000
Belian alat-alat kecil	1 210
Belanja am	5 420
Pulangan belian bahan langsung	4 000
Gaji buruh langsung	28 450
Sewa kilang	13 000
Logi dan mesin	100 000
Susut nilai terkumpul logi dan mesin	20 000
Utiliti kilang	6 100
Insurans kilang	4 600

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 31 Disember 2022:

	RM
Bahan langsung	25 080

Barang siap	6 600
Alat-alat kecil	1 200
Kerja dalam proses	7 760

- (ii) Gaji buruh langsung masih belum bayar RM3 000
- (iii) Logi dan mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- (iv) 75% belanja am adalah untuk kilang
- (v) Sewa bulanan kilang RM1 000

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Syarikat Megah Holding

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		21 054
+ Belian bahan langsung	113 500	
- Pulangan belian bahan langsung	4 000	
	109 500	
Angkutan masuk	2 300	
		111 800
		132 854
- Inventori akhir bahan langsung		25 080
Kos bahan langsung digunakan		107 774
<u>Kos buruh langsung</u>		
Gaji buruh langsung [28 450 + 3 000]		31 450
Kos prima		139 224
<u>Kos overhead</u>		
Susut nilai logi dan mesin [(100 000 - 20 000) x 10%]	8 000	
Belanja am [75% x 5 420]	4 065	
Sewa kilang [13 000 - 1 000]	12 000	
Alat - alat kecil [523 + 1 210 + 1 200]	533	
Gaji penyelia kilang	32 400	
Utiliti kilang	6 100	
Insurans kilang	4 600	
		67 698
		206 922
+ Kerja dalam proses awal		9 600
		216 522

- Kerja dalam proses akhir

7 760

Syarikat Megah Holding
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Jualan	480 000
--------	---------

Tolak : Kos jualan

Inventori awal barang siap	10 022
+ Kos pengeluaran	<u>208 762</u>
	218 784
- Inventori akhir barang siap	<u>6 600</u>
Kos jualan	<u>212 184</u>
Untung kasar	<u>267 816</u>

SMKA / SABK

Kilang Arjuna adalah pengeluar pakaian yang baru memulakan operasi di Pusat Perindustrian Alor Gajah, Melaka pada 1 Januari 2022. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan kilang pada 31 Disember 2022.

	RM
Belian bahan langsung	95 300
Angkutan masuk bahan langsung	2 400
Angkutan keluar	1 500
Sewa	15 400
Utiliti kilang	13 400
Logi dan mesin	84 000
Upah tak langsung	22 200
Upah langsung	30 000
Pulangan belian bahan langsung	2 150
Insurans	4 800
Inventori pada 31 Disember 2022:	
Bahan langsung	8 950
Kerja dalam proses	7 670

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans prabayar RM400
- (ii) Sewa belum bayar RM1 400
- (iii) Upah lebih masa sebanyak RM5 300 belum diambil kira
- (iv) 70% daripada insurans dan sewa adalah untuk kilang dan bakinya untuk pejabat
- (v) Logi dan mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (vi) Dokumen berikut belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan

BAUCAR PEMBAYARAN

No: 1543

Kilang Arjuna
Pusat Perindustrian Alor Gajah
78000 Alor Gajah

Tarikh : 31 Disember 2022

Kepada
Perbadanan Hak Intelek Malaysia
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1

Bil	Butir	Jumlah
1	Pembayaran paten dagangan	RM1 000

Ringgit Malaysia : Satu ribu sahaja

Tunai / No. Cek : MBB226459

ahmad
Penerima

arguna
Pengurus

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Kilang Arjuna

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 September 2023

	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Belian bahan langsung		95 300
- Pulangan belian		2 150
		93 150
Angkutan masuk bahan langsung		2 400
		95 550
- Inventori akhir bahan langsung		8 950
Kos bahan langsung digunakan		86 600
<u>Kos buruh langsung</u>		
Upah langsung [30 000 + 5 300]		35 300
<u>Belanja langsung</u>		
Paten dagangan		1 000
Kos prima		122 900
<u>Kos overhed</u>		
Insurans [70% x (4 800 - 400)]	3 080	
Sewa [70% x 15 400 + 1 400]	11 760	
Susut nilai logi dan mesin [84 000 x 10%]	8 400	
Utiliti kilang	13 400	
Upah tak langsung	22 200	
		58 840
		181 740

- Kerja dalam proses akhir
Kos pengeluaran

7 670
174 070

Melaka 2023

Pengilang Maliki mengeluarkan jus buah-buahan dalam tin. Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunannya bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023

	1 Julai 2022	30 Jun 2023
	RM	RM
Inventori:		
Barang siap	21 800	24 300
Bahan langsung	17 240	22 530
Kerja dalam proses		
Bahan langsung	15 660	13 240
Buruh langsung	6 940	6 390
Overhed	7 750	4 870
Alat-alat kecil	13 070	12 950
Royalti belum bayar	2 550	2 240
Mesin kilang		
Harga kos	91 200	Perlu dikira
Susut nilai terkumpul	37 200	Perlu dikira
		RM
Jualan		526 000
Belian:		
Barang siap		26 000
Bahan langsung		148 570

Mesin kilang	17 900
Alat-alat kecil	2 840
Belanja pentadbiran	19 300
Angkutan masuk bahan langsung	1 640
Pulangan belian bahan langsung	1 030
Insurans	9 300
Upah operator pengeluaran	63 200
Sewa	26 700
Belanja membaiki mesin	3 650
Royalti	8 500
Gaji	49 100
Gaji jurujual	12 000
Utiliti	22 000

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Jun 2023, lima orang operator pengeluaran telah diambil bekerja dengan upah bulanan RM1 500 seorang. Perkara ini belum dicatat dalam mana-mana buku
- (ii) Angkutan masuk belum rekod:

	RM
Bahan langsung	800
Barang siap	1 200

- (iii) Gaji RM49 100 hendaklah dibahagikan antara overhead kilang dan pejabat dengan nisbah 2 : 3
- (iv) Insurans dibahagikan mengikut kadar 75% kilang dan 25% pejabat
- (v) Utiliti hendaklah dibahagikan antara kilang dan pejabat nisbah 3 : 1
- (vi) Mesin kilang disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Semua nilai mesin kilang dikira sepenuhnya pada tahun pembelian dibuat

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023
- (c) Akaun Royalti

Pengilang Maliki
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023

Kos bahan langsung

Inventori awal bahan langsung	17 240
+ Kerja dalam proses awal bahan langsung	15 660
	32 900

Belian bahan langsung	148 570
- Pulangan belian bahan langsung	1 030
	147 540
+ Angkutan masuk bahan langsung [1 640 + 800]	2 440
	149 980
	182 880

- Inventori akhir bahan langsung	22 530
Kerja dalam proses akhir bahan langsung	13 240
	35 770
	147 110

Kos buruh langsung

Upah operator pengeluaran [63 200 + 1 500 x 5]	70 700
Kerja dalam proses awal gaji buruh kilang	6 940
	77 640
- Kerja dalam proses akhir gaji buruh kilang	6 390
	71 250

Belanja langsung

Royalti	8 190
KOS PRIMA	226 550

Kos overhed

Alat-alat kecil [13 070 + 2 840 - 12 950]	2 960	
Gaji [49 100 x 2/5]	19 640	
Insurans [75% x 9 300]	6 975	
Utiliti [3/4 x 22 000]	16 500	
Susut nilai mesin [(91 000 + 17 900) x 10%]	10 910	
Belanja membaiki mesin	3 650	
+ Kerja dalam proses awal overhed kilang	7 750	
	68 385	
- Kerja dalam proses akhir overhed kilang	4 870	
	63 515	
Kos pengeluaran	290 065	

Pengilang Maliki Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023

Jualan	526 000
<u>Tolak : Kos jualan</u>	
Inventori awal barang siap	21 800
Belian barang siap	26 000
+ Angkutan masuk barang siap	1 200
	27 200
+ Kos pengeluaran	290 065
	317 265
	339 065
- Inventori akhir barang siap	24 300
Kos jualan	314 765
Untung kasar	211 235

Akaun Royalti

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
2023			2022		
Jun 30	Bank	8 500	Julai 1	Royalti belum bayar	2 550
	Royalti belum bayar	2 240		Akaun pengeluaran	8 190
		10 740			10 740

Terengganu 2020

Kilang Batik Ajeera adalah pengeluar kain batik yang beroperasi di Chendering, Kuala Terengganu. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan kilang pada 31 Mei 2023.

	RM
Inventori pada 1 Jun 2022	
Bahan langsung	12 400
Kerja dalam proses	10 270
Belian bahan langsung	85 200
Angkutan masuk	2 200
Sewa kilang	15 600
Air dan elektrik	14 500
Logi dan mesin	65 000
Upah tak langsung	24 300
Upah langsung	32 600
Pulangan belian	1 650
Insurans kilang	3 600
Inventori pada 31 Mei 2023	
Bahan langsung	9 240
Kerja dalam proses	9 870

Maklumat tambahan:

- (i) Logi dan mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus
- (ii) Insurans kilang prabayar RM300
- (iii) 60% daripada air dan elektrik adalah untuk kilang dan bakinya untuk pejabat

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mei 2023.

Kilang Batik Ajeera
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mei 2023

	RM	RM
<u>Kos bahan langsung</u>		
Inventori awal bahan langsung		12 400
+ Belian bahan langsung	85 200	
- Pulangan belian	1 650	
	83 550	
Angkutan masuk	2 200	
		85 750
		98 150
- Inventori akhir bahan langsung		9 240
Kos bahan langsung digunakan		88 910
<u>Kos buruh langsung</u>		
Upah langsung		32 600
Kos prima		121 510
<u>Kos overhed</u>		
Susut nilai logi dan mesin [65 000 x 10%]	6 500	
Insurans kilang [3 600 - 300]	3 300	
Air dan elektrik [60% x 14 500]	8 700	
Sewa kilang	15 600	

Upah tak langsung	<u>24 300</u>	
		<u>58 400</u>
		179 910
+ Kerja dalam proses awal		<u>10 270</u>
		190 180
- Kerja dalam proses akhir		<u>9 870</u>
Kos pengeluaran		<u>180 310</u>